

17 JAN 1997

PEMIMPIN INDUSTRI IT SOKONG MSC

Oleh: Salmy Hashim

PALO ALTO, California, 17 Jan (Bernama) -- Para pemimpin industri teknologi maklumat (IT) Khamis telah memberi sokongan kepada Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia dan kelihatan bersungguh-sungguh untuk menyertai projek raksasa itu.

Sebahagian besar daripada ketua eksekutif syarikat yang berkhidmat sebagai penasihat dalam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) menyuarakan keyakinan mereka tentang projek berkenaan yang didaya usahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan membayangkan kesungguhan mereka untuk melabur dalam koridor berkenaan.

Anggota-anggota panel semalam bermesyuarat buat kali pertama di universiti Stanford di sini bagi membincangkan masa depan MSC. Mesyuarat selama enam setengah jam itu dipengerusikan oleh perdana menteri dan para pakar IT dan ketua eksekutif telah memberikan pelbagai idea yang mungkin boleh digunakan sebagai panduan arah haluan masa depan projek beribu juta ringgit itu.

Presiden dan ketua pegawai eksekutif Netscape, James Barksdale memberitahu Bernama bahawa projek MSC telah menjadikan Kuala Lumpur lokasi yang lebih menarik bagi ibu pejabat serantau masa depannya bagi memberi khidmat di Tenggara Asia.

Barksdale, yang kagum dengan komitmen peribadi Dr Mahathir dalam projek berkenaan, yakin MSC akan mencapai kejayaan dengan kepimpinan berterusannya.

Panel yang dianggotai 30 orang itu ketua oleh perdana menteri selaku pengerusi. Enam ketua pegawai eksekutif (CEO) yang tidak dapat hadir pada mesyuarat sulung hari ini ialah Bill Gates dari Microsoft, Gilbert Amelio dari Apple, Louis Gerstner dari IBM, Dr. Heinrich von Pierer dari Siemens Corporation, Alvin Toffler dari Toffler and Associates, dan Tadashi Sekizawa dari Fujitsu.

Mereka yang menghadiri mesyuarat itu bersama-sama Dr Mahathir ialah Tan Sri Othman Yeop Abdullah, pengerusi eksekutif Multimedia Development Corporation, Malaysia; Kenichi Ohmae (Jepun), perunding terkenal IT; Lester Alberthal, pengerusi, presiden dan CEO EDS Corporation, AS; Duta Diana Lady Dougan, penasihat kanan kepada Pusat bagi Kajian Antarabangsa dan Strategik (CSIS); Larry Ellison, presiden dan CEO, Oracle Corporation; Fred Gluck, naib pengerusi Bechtel Group, Inc; Nobuyuki Idei, presiden, Sony Corporation; Bon Moo Koo, pengerusi Lucky-Goldstar Group; Robert Madge, pengerusi dan CEO, Madge Networks; Jim Manzi, pengerusi, presiden dan CEO, Nets, Inc; dan Scott McNealy, pengerusi lembaga pengarah, presiden, dan CEO, Sun Microsystems, Inc.

Yang lain termasuklah Prof. William Miller dari Stanford Graduate School of Business, San Francisco; Noboru Miyawaki, eksekutif kanan naib presiden, NTT; Philip Odeen, presiden, CEO dan pengarah BDM International; Eckhard Pfeiffer, presiden dan CEO Compaq Computers; Lewis Platt, pengerusi, presiden dan CEO, Hewlett-Packard; Stan Shih, pengerusi dan CEO, Acer Group dari Taiwan; Masayoshi Son, presiden dan CEO, Softbank; Michael Spence, Dekan Graduate School of Business, Stanford; Gary Tooker, pengerusi Motorola; Lynton Ronald Wilson, pengerusi, presiden dan CEO, BCE, syarikat telekomunikasi terbesar Kanada; James Barksdale, presiden dan CEO Netscape Communications Corp; dan Robert R. Bishop, pengerusi Silicon Graphics World Trade Corporation. -- BERNAMA

SH MA/sia

